

08 SEP 2003

Musa-Kampus

PILIHAN RAYA KAMPUS: PELAJAR KITA BELUM MATANG, KATA MUSA

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perjalanan politik pelajar di negara ini yang diperlihatkan menerusi pilihan raya kampus menunjukkan bahawa kebanyakan mereka masih belum matang, kata Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Beliau berkata di kampus universiti Malaysia, pelajar memihak kepada parti-parti politik semasa pilihan raya, dan perkara itu tidak wujud di negara-negara luar yang kebanyakan pelajarannya lebih matang.

"Jadi boleh dikatakan perjalanan politik pelajar (di negara) ini belum begitu matang. Saya harap suatu hari nanti (pelajar) akan matang dan isu (yang dibangkitkan dalam pilihan raya) tertumpu kepada isu-isu yang kukuh dan lebih keilmiahan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu para pelajar di insituti pengajian tinggi menumpukan perhatian kepada pelajaran dan tidak terlibat di dalam perkara politik.

Musa turut mengakui kecenderungan sesetengah pihak khususnya pembangkang mahu menarik pelajar ke arah berpolitik yang menyebabkan tumpuan mereka terhadap pelajaran terjejas.

"Itu yang kita risaukan. Kita mahu pelajar tumpu kepada pelajaran sambil ambil tahu hal umum, tumpuan mereka mesti tetap pada pelajaran," katanya.

Mengenai dakwaan wujudnya campurtangan luar yang melibatkan isu sogokan wang kepada para pelajar yang terlibat di dalam pilihan raya kampus, Musa berkata ia tertakluk kepada pihak universiti untuk memantau perkara itu.

Perjalanan pilihan raya kampus adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh universiti sendiri dan kementerian tidak berhasrat untuk menghalang pelaksanaannya, katanya.

"Ini perkara kecil, ini bukan pilihan raya negara, ini pilihan raya kampus sahaja, terserah kepada pihak universiti bagaimana untuk melaksanakannya," tegas beliau.

-- BERNAMA

SNS RON